

30 OCT 2003

Abdullah-Kampung (Bergambar)

PENDUDUK KEPALA BATAS PALING GEMBIRA ESOK

Oleh: Hammad Wariman

KEPALA BATAS, 30 Okt (Bernama) -- Penduduk pekan ini, yang suatu masa dulu `hidup segan mati tidak mahu', bakal menjadi orang yang paling gembira esok apabila anggota Parlimen mereka Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri.

Pekan koboi Kepala Batas kini membangun dengan pelbagai kemudahan yang dicemburui oleh pekan-pekan lain di daerah Seberang Perai Utara dalam tempoh lima tahun lepas sejak Abdullah menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Seperti rakyat Malaysia yang lain, penduduk pekan ini pastinya turut terharu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mulai bersara esok, namun mereka juga tidak dapat menyembunyikan kegembiraan bahawa esok jugalah "budak kampung" mereka akan menjadi Perdana Menteri.

Imam masjid Jamiul Badawi, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar, 78, berkata sebagai penduduk asal Kepala Batas, beliau berasa sangat bangga dengan perlantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri yang baru.

Apa yang lebih membanggakan, katanya, adalah beliau merupakan guru kepada Abdullah di sekolah agama Daeratul Maarifil Wataniah di sini yang diasaskan oleh datuknya sendiri, Abdullah Fahim Ibrahim.

Abdul Rahim berkata beliau yakin Abdullah, yang semasa kecilnya dikenalnya sebagai seorang yang penyabar dan tidak pernah menunjukkan kemarahan, dapat membawa Malaysia ke era yang lebih gemilang walaupun "cara Dr Mahathir dan Abdullah berbeza".

"Insyallah, beliau dapat mengharungi segala cabaran yang mendatang dan memegang teraju pemerintahan dengan elok," kata Abdul Rahim yang dijadualkan membaca doa selamat pada majlis kepulangan Abdullah di rumahnya di Jalan Perak di sini Sabtu ini.

Abdullah akan berbuka puasa bersama ibunya dan diraikan penduduk tempatan.

"Kami mendoakan beliau sentiasa dalam keadaan sihat bagi mentadbir negara ini ke arah pembangunan yang lebih pesat dan mantap," katanya.

Perlantikan Abdullah, yang juga menjadi sejarah kepada Pulau Pinang kerana beliau merupakan anak negeri ini yang pertama dilantik menjadi Perdana Menteri, juga disambut baik oleh penduduk keturunan Cina dan India pekan ini.

Ho Chee Chai, 46, pemilik kedai buku See Sun Record di pekan ini berkata, sebagai Perdana Menteri yang baru, beliau berharap Abdullah akan membawa lebih banyak peluang ekonomi untuk dinikmati oleh semua rakyat amnya dan penduduk pekan ini khususnya.

"Kita lihat dulu tak ramai orang tahu di mana Kepala Batas tapi sekarang pekan ini sudah cukup terkenal dan sinonim dengan Pak Lah," katanya.

Seorang pengusaha kedai makan, Alaudeen Shahul Hamid, 46, berkata beliau yakin Abdullah akan membawa lebih banyak kemakmuran kepada pekan ini.

"Saya merasa bangga dan gembira dengan perlantikan Pak Lah dan berharap beliau boleh melakukan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang," katanya.

Setiausaha Parti Gerakan Bahagian Kepala Batas, Lim Seng Peng berkata 2,000 ahli parti dari bahagian itu akan turut sama menyambut Abdullah di Lapangan Terbang Bayan Lepas, sebagai tanda gembira di atas perlantikan itu.

Katanya, enam kain pemedang tertera perkataan "Terima Kasih Dr Mahathir

Atas Perlantikan Pak Lah Sebagai Perdana Menteri Baru Kita" akan
direntangkan Sabtu ini.

-- BERNAMA

NH ZS MOZ